

PSIKOANALISIS DALAM HUJAN PAGI

PSYCHOANALYSIS IN HUJAN PAGI

*Norazimah Bt Zakaria
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

ABSTRAK

Psikoanalisis merupakan satu sistem psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Ia adalah satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Menurut Terry Eagleton (1988:175), psikoanalisis bukanlah hanya suatu teori tentang akal manusia, tetapi juga suatu amalan mereka dianggap sakit atau terganggu akal fikirannya. Dalam psikoanalisis, bahan-bahan yang dimaksudkan dalam bawah sedar ini meliputi kata-kata tersasul, mimpi, fantasi atau khayalan seseorang individu. Makalah ini memilih novel Hujan Pagi kerana watak Lokman dapat dikatakan mengalami gangguan kejiwaan. Dia hidup dalam dunia halusinasi. Malah, Lokman dalam dunianya ini sudah tidak dapat membezakan antara realiti dan non-realiti. Oleh yang demikian, pendekatan psikoanalisis dapat menyumbang kepada penerokaan perkembangan protagonis. Apabila mengkaji Hujan Pagi, didapati bahawa sememangnya Lokman menghadapi tekanan jiwa. Hal ini berlaku kerana mengikut fahaman psikoanalisis, sekiranya tidak berlaku perimbangan di antara id, ego dan superego, akan menyebabkan seseorang itu mengalami kecelaruan mental. Maka terdapat beberapa cara untuk memuaskan dorongan kepuasan dalam novel Hujan Pagi contohnya adalah seperti mimpi, pemikiran yang berhajat, fantasi dan halusinasi.

Kata Kunci: *psikoanalisis, hujan pagi, halusinasi, protagonis, watak*

ABSTRACT

Psychoanalysis is a psychological system pioneered by Sigmund Freud. It is a theory of personality and also a method of therapy. According to Terry Eagleton (1988: 175), psychoanalysis is not just a theory of human reason, but also their practice is considered to be ill or disturbed. In psychoanalysis, these subconscious substances include the words of the individual, the dream, the fantasy or the imagination of an individual. This paper picks the Hujan Pagi novel because Lokman's character can be said to have psychiatric disorders. He lives in a world of hallucinations. In fact, Lokman in his world can not distinguish between reality and non-reality. As such, the psychoanalytic approach can contribute to the exploration of the protagonist's development. When studying the Hujan Pagi, it was found that Lokman faced mental stress. This is true because according to psychoanalysis, the absence of a balance between id, ego and superego will cause a person

to experience mental disorders. So there are several ways to satisfy the impulse of satisfaction in the Hujan Pagi novel for example dreams, desires, fantasy and hallucinations.

Keywords: *Psychoanalysis, Hujan Pagi, hallucinations, protagonist, character*

PENDAHULUAN

Psikoanalisis merupakan satu sistem psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Ia adalah satu teori personaliti dan juga satu kaedah terapi. Menurut Terry Eagleton (1988:175), psikoanalisis bukanlah hanya suatu teori tentang akal manusia, tetapi juga suatu amalan mereka dianggap sakit atau terganggu akal fikirannya. Manakala Lahmuddin Lubis (2000:103) menyatakan bahawa psikoanalisis memandang manusia sebagai ekspresi dari adanya dorongan yang menimbulkan konflik. Freud telah membentuk teknik-teknik untuk digunakan dalam rawatan neurosis. Oleh itu, psikoanalisis boleh dianggap sebagai kaedah merawat seorang individu yang mengalami masalah tekanan emosi yang mendalam.

Dalam psikoanalisis, bahan-bahan yang dimaksudkan dalam bawah sedar ini meliputi kata-kata tersasul, mimpi, fantasi atau khayalan seseorang individu. Menurut Terry Eagleton (1988:185);

Tak sedar hanyalah suatu pergerakan yang bersambungan dan kegiatan penanda yang mempunyai petanda yang jarang dapat kita masuki kerana keadaannya yang tertelat. Inilah sebabnya mengapa Lacan berbicara tentang tak sedar sebagai suatu kegelongsongan petanda ke bawah "penanda", sebagai suatu kelunturan dan pengewapan makna yang berterusan...

Tahap bawah sedar merupakan peringkat yang paling penting dalam proses psikoanalisis. Setiap individu dikatakan mempunyai tahap ketidaksedaran yang berbeza. Personaliti setiap individu boleh diibaratkan sebagai tungkul ais di atas permukaan laut. Hanya satu pertiga yang berada di atas permukaan. Manakala dua pertiga daripada tungkul ais itu terbenam di bawah permukaan laut. Keadaan dua pertiga lapisan yang terpendam inilah yang dikatakan lapisan bawah sedar individu.

Di bawah psikoanalisis, ia membahagikan personaliti manusia kepada tiga struktur iaitu id, ego dan super ego. Ciri id seseorang mengikut pandangan psikoanalisis ialah sudah wujud sejak ianya dilahirkan. Ia dianggap sebagai satu elemen struktur yang semula jadi, diwarisi dan satu elemen yang sedia ada dalam diri manusia. Malah id juga adalah merupakan satu gejala bawah sedar

dan penuh dengan orientasi berkehendakkan kepuasan. Menurut Lahmuddin Lubis (2000:104);

...id bersifat tidak logis, moral dan didorong oleh satu kepentingannya itu memuaskan kebutuhan-kebutuhan naluriah sesuai dengan asas kesenangan.

Suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh id ialah untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamai proses primer. Contoh yang paling sesuai untuk memahami proses primer ini dapat dilihat melalui seorang bayi yang lapar dan tetap akan diberikan makanan. Semasa mendapat makanan, bayi itu akan melihat, membau, menyentuh dan merasai makanan. Susunan yang berlaku secara berulang kali pada asasnya ini akan menghasilkan penyimpangan gambaran makanan dalam ingatannya dan dalam hubungan makanan dengan pengurangan kelaparan. Apabila kelaparan berlaku pada masa-masa akan datang, id akan menggunakan proses primer bagi cubaan untuk mendapatkan kepuasan cara membentuk bayangan objek (makanan) yang akan membawa kepada kepuasan (Robert D. Nye, 1992:23). Namun begitu, terdapat beberapa cara lain lagi untuk memuaskan dorongan kepuasan. Contohnya adalah seperti mimpi, pemikiran yang berhajat, fantasi dan halusinasi.

Ego pula berbeza dengan id. Ego tidak wujud semasa kelahiran dan berkembang secara berperingkat. Tugas utama ego adalah sebagai perantara naluri-naluri dengan lingkungan (Lahmuddin Lubis, 2000:104). Antara fungsi ego adalah dapat bertindak terhadap acara yang mendatangkan kecemasan, biasanya konflik atau pertentangan antara id dan super ego. Selain itu, ego adalah suatu keadaan tindak balas yang dilakukan oleh id untuk menyebabkan berlakunya ketegangan yang dinamai proses primer (Robert D. Nye, 1992:23).

Manakala super ego merupakan struktur yang ketiga dalam pemikiran tingkah laku psikoanalisis. Ia lebih menyerupai hati nurani seseorang individu. Lahmuddin Lubis (2000:106) menyatakan bahawa melalui super ego, semua tindakan adalah sesuai dengan norma, moral dan etika. Manakala Robert D. Nye (1992:27) pula menyatakan bahawa superego sentiasa cuba untuk memperolehi kesempurnaan dan ia jarang sekali berpuas hati dengan apa yang kurang dari yang diinginkan. Heinz Hartmann (1960:26) menyatakan bahawa:

The role of the superego in the development of moral is in its outlines familiar to every analyst. Its relation, however, to moral codes and moral conduct has been stated in different ways....

Menurut Freud (Lahmuddin Lubis, 2000:107), ada tiga bentuk kegelisahan yang dialami oleh manusia. Pertamanya kegelisahan atau kerisauan realitas, iaitu kegelisahan yang dirasakan kerana adanya sesuatu ancaman nyata (langsung) atau ancaman yang berkaitan dengan keadaan lingkungan. Keduanya ialah kegelisahan moral, iaitu kegelisahan yang berasal dari hati nurani atau *conscience* seseorang. Kegelisahan moral ini sering terjadi bagi seseorang yang sering merasa bersalah, terlebih lagi jika ia melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai yang berlaku dalam masyarakat. Manakala kegelisahan yang ketiga ialah kegelisahan neurotik, iaitu kegelisahan yang timbul dari perasaan bimbang, ragu, ia bahkan sering tidak dapat mengendalikan nalurinya dan menyebabkan ia melakukan sesuatu diluar kesedarannya. Kegelisahan seperti ini sering kali tidak dapat dicari penyebab yang sebenarnya dan kegelisahan itu tidak pernah menyedarinya.

Oleh yang demikian, pendekatan psikoanalisis dapat menyumbang kepada penerokaan perkembangan protagonis. Makalah ini memilih novel *Hujan Pagi* kerana watak Lokman dapat dikatakan mengalami gangguan kejiwaan. Dia hidup dalam dunia halusinasi. Malah, Lokman dalam dunianya ini sudah tidak dapat membezakan antara realiti dan non-realiti. Contohnya:

“payahnya Lokman sebentar sedar, sebentar tidak. Payah lagi, bila dia sedar, kita masih tak tahu pula di mana dia berada di sini atau di tempat lain”, kata Idrus.

(A. Samad Said, 1988:20)

Apabila mengkaji *Hujan Pagi*, didapati bahawa sememangnya Lokman menghadapi tekanan jiwa. Dia tidak dapat menerima kenyataan bahawa tugas seorang wartawan pada zaman sebelum dan selepas merdeka adalah berbeza. Tugas seorang wartawan pada zaman sebelum merdeka adalah lebih mengutamakan menyatakan kebenaran serta berjuang untuk membela nasib rakyat yang berada di bawah penjajah. Namun begitu, peranan wartawan dan syarikat akhbar sudah berbeza setelah negara mencapai kemerdekaan. Wartawan akhbar tidak lagi berjuang untuk menyatakan kebenaran dan berjuang bermati-matian untuk membela nasib rakyat.

Seperti mana kata Gazis semasa berbual-bual dengan Lokman dalam dunia halusinasi Lokman;

“Hujan Pagi perlu terus hidup. Hujan pagi perlu jadi senjatapembela bangsa!”
kata Gazis...

(A. Samad Said, 1988:92)

Melalui Musir Ali juga, kita dapat mengenali sikap dan pemikiran Lokman yang begitu tegas dan begitu komited terhadap tugasnya sebagai wartawan. Namun setelah segala apa yang diharapkan dalam tugasnya sebagai wartawan iaitu untuk memperjuangkan hak bangsanya walaupun setelah negara mencapai kemerdekaan tidak menepati kehendaknya, Lokman mula tidak dapat menerima keadaan ini dan tidak dapat menyesuaikan dirinya.

“...kau tidak harus berlara-lara sedalam itu Lokman.” Dia pernah menasihatkan teman veterannya, yang ternyata terlalu terseksa batinnya. Dua tiga bulan dulu sudah diingatkannya itu, tapi Lokman jenis manusia lain. “Ini bukan zaman kita lagi. Selalu ingat itu. Ini zaman baru,” kata Musir Ali, mencari-cari pengertian dalam mata Lokman. “Ini kenyataan dan realiti baru, tuntutan baru dan ya, ya segala-gala....”

(A. Samad Said, 1988:154)

Oleh sebab itulah, Lokman melepaskan ledakan atau melepaskan rasa tidak puas hatinya melalui peranan yang berbeza di alam halusinasinya. Malah, menurut Robert D. Nye (1992:26);

“peperangan” di antara kuasa naluri dan aspek sosial manusia ini tidak berlaku dalam keadaan terbuka; ia hanya berlaku pada tahap tidak sedar, dan kita merasa sengsara akibat dari konflik-konflik dalaman ini.

Kita dapat melihat kesengsaraan Lokman apabila dia bergelut dengan konflik yang dihadapinya. Dalam dunia halusinasi Lokman, syarikat akhbar iaitu *Hujan Pagi* mengalami masalah apabila ada pihak yang cuba menutup syarikat akhbar itu. Berikut adalah petikan yang menunjukkan keadaan Lokman;

memang jelas kini segala-galanya berkisar di sekitar Hujan Pagi, sebuah akhbar yang rasanya tidak pernah wujud dalam alam nyatanya sekarang. Masih lagi dapat Lajis bayangkan bagaimana Lokman membeliakkan mata, mendengus, marah-marah dan menjerit, liar beberapa kali...

(A. Samad Said, 1988:65)

Apa yang berlaku kepada Lokman ini turut dijelaskan oleh Karen Horney (1966:185) seperti berikut;

they are driven buy emotional forces they do not know and over which they have not no control. They cannot but act and react in rigid ways, often in contrast to their intellectual judgment. Their attitude toward others is determind not by conscious wishes and consciouse values but by unconsciouse factors of imperative character.

Di dalam dunia halusinasi Lokman, watak-watak yang dikenali Lokman adalah berbeza peranannya jika dibandingkan dengan watak-watak sebenar dalam alam nyata novel *Hujan Pagi*. Contohnya, watak Gazis yang merupakan seorang pengatur huruf yang cekap. Malah dia juga merupakan orang kepercayaan Lokman sebagai seorang sahabat dan juga rakan sejawat dalam syarikat akhbar *Sinar Pagi* di dalam dunia halusinasi Lokman. Sedangkan Gazis sebenarnya merupakan seorang ustaz di kampung Lokman dan tidak ada kena-mengena dalam dunia kewartawanan dan syarikat akhbar *Sinar Pagi*, iaitu syarikat akhbar di alam realiti novel *Hujan Pagi*.

Begitu juga dengan peranan watak-watak lain dalam novel *Hujan Pagi* dan dalam dunia halusinasi Lokman. Terdapat beberapa watak yang benar-benar wujud dalam dunia realiti novel *Hujan Pagi* dan ada juga watak yang hanya wujud dalam dunia halusinasi Lokman. Walaupun watak yang terlibat wujud dalam kedua-dua alam realiti dan dunia halusinasi Lokman, namun peranan yang dimainkan adalah berbeza sama sekali. Contohnya watak Ruseli, Arfiah dan lain-lain watak lagi. Kesemua mereka mempunyai peranan penting dalam dunia halusinasi Lokman terutama di syarikat akhbar *Sinar Pagi*, iaitu syarikat akhbar dalam dunia halusinasi Lokman.

Malah, berdasarkan petikan berikut, didapati bahawa Lokman mewujudkan watak-watak tertentu di dalam dunia halusinasinya untuk menyatakan apa yang terpendam di dalam hatinya. Hal ini adalah kerana Lokman tidak mampu untuk meluahkan apa yang terpendam di dalam dirinya menyebabnya terus hanyut dalam dunia halusinasinya. Contohnya:

“...Katanya apa saja yang ada dalam khayalan abang saya itu ada ertinya. Manusia-manusia ini, seperti kebanyakan manusia, benda dan peristiwa dalam halusinasi Abang Lokman, adalah simbol-simbol yang terhantar daripada pergelutan atau...atau penyeksaan...atau kekacauan batin abang saya itu....

(A. Samad Said, 1988:248)

Oleh yang demikian, pendekatan psikoanalisis sememangnya dapat menyumbang kepada penerokaan perkembangan protagonis. Apabila kita mengkaji novel *Hujan Pagi*, kita akan dapati terdapat teknik-teknik yang disarankan oleh Freud telah digunakan oleh Dr Ahmad Dio, iaitu doktor yang merawat Lokman. Dr. Ahmad Dio merupakan penghubung di antara dunia halusiasi Lokman dengan dunia nyata dalam novel *Hujan Pagi*. Dia merupakan orang yang bertanggungjawab merungkaikan permasalahan dunia halusinasi Lokman agar segala-galanya menjadi lebih jelas dan nyata.

Salah satu teknik rawatan yang diperkenalkan oleh Freud ialah melalui analisis mimpi atau interpretasi mimpi. Robert D. Nye (1992:52) menyatakan bahawa;

Mimpi mempunyai dua tahap kandungan. Kandungan terpendam mimpi ialah aspek yang terpenting dalam psikoanalisis; ini ialah makna yang tersembunyi dan yang tidak disedari. Mengikut Freud, mimpi adalah ekspresi hajat-hajat yang tidak disedari. Bahan-bahan mimpi yang sampai ke tahap sedar adalah berbentuk saranan dan simbolik.

Malah, menurut Robert D. Nye (1992:53) lagi:

Dalam teori Freud, mimpi-mimpi jelas adalah pembentukan berkompromi. Iaitu suatu hajat yang tidak disedari dibenarkan sedikit luahan, tetapi hanya dalam bentuk yang tersembunyi ego menekankan penapisan, walaupun semasa tidur, bagi mengelakkan bahan ketidaksedaran yang tidak boleh diterima daripada timbul ke permukaan dalam bentuk asal yang tidak dibenarkan. Apabila ego gagal untuk menjalankan peranan penapisan dengan efektif, akibatnya terjadilah mimpi seram (atau dalam istilah psikoanalitik ia dinamakan suatu “mimpian xieti”)...

Keadaan mimpi juga turut dialami oleh watak Lajis, iaitu adik kepada Lokman. Keadaan yang dialami oleh Lokman turut menyebabkan dirinya sedikit sebanyak terganggu oleh ketidaktenteraman yang dialami dalam dirinya. Lajis menghadapi konflik diri akibat keadaan yang menimpa Lokman yang mengalami halusinasi, juga tertekan oleh perasaannya terhadap kekeliruan identitinya. Malah, Lajis turut dihantui rasa bersalah kerana merasakan dirinya telah tidak setia terhadap bekas tunangnya yang telah meninggal dunia kerana dia turut mempunyai perasaan terhadap beberapa teman wanitanya. Contohnya dapat dilihat berdasarkan petikan berikut;

...mula-mula dia dikejutkan oleh mimpi kereta tunangnya yang terkacip itu, tergambar dirinya berdiri di hadapan Asniah yang luluh, tercungap penuh berdarah, mengucap-ucap sesuatu sebelum tersentak kejang.

Kali kedua dia terkejut oleh mimpi kononnya Tengku Rizi datang dengan kapak, menjerit menyuruhnya keluar, mendesak supaya mengembalikan Norisah.

Kali ketiga dia terkejut kononnya dia sedang melarikan Munawar Bee, selepas menyelamatkan Mujib daripada pisau Rohayah. Dan akhir sekali

dia kononnya dikejar oleh Haji Winarto Musleh yang semakin dekat semakin menjalar taringnya....

(A. Samad Said, 1988: 213)

Menurut Terry Eagleton (1988:172);

Freud menganggap mimpi ialah kepuasan secara simbolis terhadap keinginan-keinginan tak sadar kita dan bahan ini tidak dilahirkan secara langsung tetapi berbentuk simbolis...

Manakala Joseph Nuttin (1962: 42) menyatakan bahawa:

By a happy "intuition" Freud came to look upon dreams as the kind of phenomena which, like the symptoms of neurosis, apparently avoid of meaning, can nevertheless reveal on closer scrutiny a more profound meaning and coherence.

Pencatatan yang dilakukan oleh Dr. Ahmad Dio terhadap perlakuan Lokman semasa Lokman di dalam dunia halusinasinya itu membolehkan orang lain memahami sebab yang menyebabkan Lokman berkeadaan sedemikian. Walaupun pada mulanya butiran pencatatan yang dilakukan oleh Dr. Ahmad Dio itu tidak dapat difahami apakah maknanya, namun setelah segala butir pencatatan dikumpulkan dan disusun secara teliti, dapat menjelaskan apa yang menyebabkan Lokman mengalami halusinasi. Malah, Lokman diakhir cerita ini didapati sembuh sepenuhnya dan mula kembali ke alam realiti. Tujuan teknik analisis mimpi ini digunakan dalam terapi psikoanalitik adalah untuk mendedahkan bahan-bahan yang tidak disedari yang menyebabkan berlakunya masalah kepada pesakit. Impuls-impuls, hajat-hajat dan konflik-konflik yang ditekan harus dibawa keluar ke tahap kesedaran (Robert D. Nye, 1992: 54). Dengan ini, usaha yang dilakukan oleh Dr. Ahmad Dio seperti mengenalpasti, merumuskan serta mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang dihadapi oleh Lokman akhirnya berjaya membawa Lokman ke alam realiti. Keadaan ini berlaku kerana apabila Lokman dirawat oleh Dr. Ahmad Dio, segala perasaan yang terpendam yang selama ini tidak diluahkan akhirnya berjaya diluahkan melalui halusinasinya dan rawatan secara kaedah pedekatan psikoanalisis digunakan.

Oleh itu, beban yang terpikul oleh Lokman yang diluahkan melalui halusinasi telah dapat diatasi dan keadaan ini menyebabkan Lokman sembuh dan kembali ke alam nyata.

KESIMPULAN

Justeru pendekatan psikoanalisis sememangnya dapat menyumbang kepada penerokaan perkembangan protagonis. Malah, secara tidak langsung, perkembangan watak-watak lain di dalam novel *Hujan Pagi* juga dapat dikaji. Didapati bahawa watak-watak lain juga secara tidak langsung sebenarnya turut mengalami konflik diri yang boleh juga dikaji melalui pendekatan psikoanalisis. Hal ini berlaku kerana mengikut fahaman psikoanalisis, sekiranya tidak berlaku perimbangan di antara id, ego dan superego, akan menyebabkan seseorang itu mengalami kecelaruan mental.

RUJUKAN

- A.Bakar Hamid, 1976. *Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Samad Said, 1988. *Hujan Pagi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abrams, M.H., 1971. *A Glossary of Literary Terms*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Diana Laurenson & Alan Swingewood, 1972. *The Sociology of Literature*. London: Paladin Books
- Dictionary of World Literature*, 1960. Shipley, Joseph Twadell (ed). Littlefield, Adam & Co.
- Eagleton, Terry., (ed.), 1988. *Teori Kesusasteraan: Satu Pengenalan* (Muhammad Haji Salleh, (pentj.)). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hartmann, Heinz (ed.), *Psychoanalysis and Moral Values*. New York: International Universities Press, INC.
- Kamal Ariffin, 1985. *Sejarah Sastera Melayu Klasik dan Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lahmuddin Lubis (ed.), 2000. *Pengantar Bimbingan Konseling*. Medan: IAIN Press.
- LutfiAbas, Mei, 1988. "Tema dalam karya sastera" (Bahagian Pertama) dlm. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 1985. *Esei-Esei Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuttin, Joseph (ed.), 1962. *Psychoanalysis and Personality: A Dinamic Theory of Normal Personality* (George Lamb, pentj.). New York: A Mentor Omega Book.
- Nye, Robert, D (ed.), 1992. *Tiga Pemikir Psikologi* (Mahmood Nazar Mohamed, pentj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

